

PM ucap tahniah kepada qari Malaysia, pemenang

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengucapkan tahniah kepada qari Malaysia, Muhammad Qayyim Nizar Sarimi yang dinobatkan Johan Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Tahun 1445H/2023M, malam kelmarin.

“Sava juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua pemenang yang lain dalam majlis istimewa, dengan pengurniaan hadiah daripada Sultan Perak Sultan Nazrin Shah,” kata Perdana Menteri menerusi catatan di Facebook.

Anwar turut berharap semoga majlis seperti itu bukan sahaja memuliakan Al-Quran, malah dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan kefahaman melalui mesej yang terkandung dalam kitab suci umat Islam itu.

Muhammad Qayyim, yang juga Orang Kelainan Upaya (OKU) penglihatan sejak lahir muncul johan dengan catatan markah 94.96 peratus.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata umat Islam perlu menjadi model peranan bagi semua manusia dalam segala aspek kehidupan bermula daripada keperibadian mulia, integriti, rohani dan duniawi.

“Dia adalah pendukung amalan belas kasihan, amat bertimbang rasa, sentiasa menghulurkan bantuan dan sering menguatkan antara satu sama lain serta menggalakkan kerjasama dalam kalangan orang ramai,” katanya.

Mohd Na'im juga berkata konsep Malaysia MADANI digarap dan dijadikan sebagai pelantar untuk masyarakat terus mengorak langkah memperkukuh rasa kebersamaan dan saling berukhuwah.

“Pelan Transformasi al-Falah turut dibangunkan sebagai inisiatif untuk bersama-sama mendukung dan merealisasikan gagasan Malaysia MADANI,” katanya.

BERNAMA